



# 34 pokok ganja dalam kebun sayur



*Mancha (kanan) melihat pokok ganja yang dirampas pada sidang media di Balai Polis Sungai Merah, semalam.*

(Foto Melvin Joni/BH)

## Lima ditahan termasuk pemilik kebun yang disah positif dadah

Oleh Melvin Joni  
bhnews@bh.com.my

**Sibu:** Polis menahan lima individu susulan penanaman 34 pokok ganja di sebuah kebun sayur milik seorang daripada mereka di Sungai Bidut, di sini, Rabu lalu.

Selain lelaki yang juga pemilik kebun terbabit, empat yang ditahan dalam serbuan antara jam 7.30 pagi hingga 3.30 petang itu

termasuk dua warga asing juga pekerja di kebun itu.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Mancha Ata, berkata semua suspek berusia antara 29 hingga 59 tahun itu ditahan susulan serbuan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Daerah Sibu.

### Tanaman RM56,348

Mengulas lanjut, katanya siasatan menemukan sejumlah 34 pokok ganja dengan ketinggian dua hingga tujuh kaki (0.6 hingga 2.1 meter) di kebun sayur terbabit.

"Semua pokok ganja yang dianggar bernilai RM56,348 itu kemudian dirampas untuk siasatan lanjut.

"Polis turut menyita sebuah kenderaan bernilai RM40,000 di kebun berke-

naan," katanya pada sidang media di Balai Polis Sungai Merah, di sini, semalam.

Mancha berkata, ujian saringan air kencing ke atas lelaki yang juga pemilik kebun berkenaan mendapati suspek positif dadah jenis tetrahydnocarrabinol (TBC), manakala selebihnya negatif.

"Semakan rekod ke atas semua suspek bagaimanapun mendapati mereka tidak mempunyai rekod jenayah lampau termasuk berkaitan dadah.

"Semua suspek kini ditahan reman sehingga hari ini untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 6B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Lelaki yang positif dadah itu turut disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) akta sama kerana mengambal dadah," katanya.

# 30 individu didakwa tipu dalam talian

**Manjung:** Seramai 30 individu, termasuk tiga lelaki warga China dihadapkan ke Mahkamah Majistret, di sini semalam atas tuduhan melakukan penipuan dalam talian membabitkan tawaran pekerjaan tidak wujud.

Semua tertuduh berusia 18 hingga 40 tahun, termasuk empat wanita itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret A Hafizh Abu Bakar sejurus pertuduhan dibacakan dalam ba-

hasa Mandarin.

Mengikut pertuduhan, semua mereka didakwa melakukan satu pakat jahat jenayah dengan menipu tawaran kerja tidak wujud dengan persediaan berdasarkan 124 unit telefon bimbit, sembilan unit komputer riba dan 22 set komputer.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di No 1605 Desair Apartment Jalan Lumut Tingkat 12, jam 5.45 pagi, pada 25 Julai lalu.

Pertuduhan dilakukan

mengikut Seksyen 120(B) (2) Kanun Keseksan dan dibaca bersama dengan Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih enam bulan atau denda atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Inspektor Nurjihan Jaya, manakala semua tertuduh diwakili peguam, Muhammad Syafiq Salleh dan Tuan Muhammad Arief Tuan Mohamad Yusof.